

Pelajar UMP Menang Anugerah Perak dalam Kongres Duta Jauhar 3.0



Johor Bahru, 27 Mac- Kumpulan Duta Jauhar Universiti Malaysia Pahang (UMP) di bawah Persatuan Anak-Anak Johor (ISKANDAR) dengan projek 'Community Economic Development Programme' telah merangkul anugerah perak dalam Majlis Anugerah Kongres Duta Jauhar 3.0 baru-baru ini. Majlis dirasmikan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh itu diadakan di Universiti Kuala Lumpur MITEC, Pasir Gudang Johor.

Penganjuran majlis anugerah ini diadakan bagi memberi pengiktirafan serta penghargaan terhadap usaha, tenaga dan komitmen para peserta dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Program Duta Jauhar 3.0. Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan dan Penerangan Johor, Datuk Ayub Rahmat wakil rasmi Menteri Besar Johor, Dato' Mohamed Khaled Nordin.

Program Duta Jauhar merupakan cetusan idea Menteri Besar Johor yang mahukan mahasiswa anak-anak Johor yang mengikuti pengajian di seluruh negara untuk melaksanakan projek bagi membantu masyarakat di negeri Johor. Program ini bertujuan meningkatkan ekonomi masyarakat Johor yang melibatkan pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) untuk pulang berbakti kepada masyarakat berdasarkan kepakaran masing-masing. Program Duta Jauhar ini diletakkan di bawah pengawasan Yayasan Pelajaran Johor (YPJ) yang telah masuk tahun ketiga penganjurannya.



Menurut Penasihat ISKANDAR dan Penasihat Projek Duta Jauhar 3.0, Abd. Rahman Hj. Safie yang juga merupakan Pengarah Pusat Sukan dan Kebudayaan UMP berbangga dengan kejayaan pelajar yang meraih anugerah pada kali ini.

"Pencapaian ini membanggakan apabila dalam percubaan pertama di Anugerah Duta Jauhar 2.0 mereka mendapat pingat gangsa, namun dengan hasil semangat dan kerja keras pelajar mereka mendapat pingat perak," katanya. Beliau juga amat berharap para pelajar ini terus memantau projek ini di Segamat dan seterusnya jika mendapat pembiayaan boleh mengembangkan projek tanaman ini di negeri Pahang pula bagi membantu golongan asnaf untuk meningkatkan pendapatan mereka.

Manakala bagi pengarah program, Muhammad Alif Mahiddin, 23 yang merupakan pelajar tahun 3 dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) berkata, segala jerih perih kumpulan mereka menjalankan projek pembangunan usahawan tani yang nyata di luar bidang mereka ini memberikan hasil yang memuaskan apabila melihat usahawan yang mereka bimbing kini berjaya meningkatkan pendapatan melalui projek ini.

"Projek penanaman cendawan *Volvariella* atau cendawan jerami oleh sekumpulan 13 pelajar UMP ini mampu membantu penduduk kampung yang berpendapatan rendah bukan sahaja memberi pulangan pendapatan untuk penduduk kampung terbabit malah dapat memberi pendedahan kepada mereka sendiri tentang ilmu pertanian dan perniagaan," katanya. Tambah beliau, projek yang telah dilaksanakan di Kampung Sepinang, Segamat Johor ini telah berjaya meningkatkan pendapatan golongan asnaf dari sekitar pendapatan RM 500 sebulan kepada RM 1500 sebulan.



Sementara itu, bagi Nor Ashikin Chin Abdullah, 43, yang merupakan peserta projek ini melahirkan rasa bertuah kerana telah terpilih sebagai peserta projek ini yang membantu meningkatkan pendapatan keluarganya. Beliau yang merupakan seorang muafak bersyukur telahpun dipilih untuk mengikuti program ini. Di samping berkebun, beliau juga menanam cendawan ini sebagai pendapatan tambahan kepada keluarganya dengan menjual cendawan di kedai-kedai makan, orang perseorangan serta pemborong yang datang membeli.

Majlis turut menyaksikan kesemua 28 kumpulan Duta Jauhar dari seluruh IPT terlibat menerima pengiktirafan dalam usaha mereka menjayakan projek duta Jauhar 3.0. Anugerah Permata telah dimenangi pelajar Universiti Sains Malaysia (USM) dengan projeknya 'RLE Mobile Carwash'. Dalam majlis yang sama menyaksikan para pelajar UMP turut menerima watiwah pelantikan untuk Projek Duta Jauhar 4.0.

Posted By : NORHIDAYAH BINTI MOHAMAD Date Posted : 05-04-2017, 14:26:06